

JANGKAAN MASA DEPAN KURIKULUM PERUBATAN HERBA ORANG ASLI

Aniza Mohd Said^a ,Mohd. Nazri Abdul Rahman^a, Dr Norlidah Alias^a, Profesor Dr Saedah Siraj^b

^b*Jabatan Kurikulum dan Teknologi Pengajaran, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia*

^b*Dekan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia*

* neez68@siswa.um.edu.my¹, mnazri@siswa.um.edu.my², drnorlidah@um.edu.my³, saedah@um.edu.my⁴,

Abstract

The Orang Asli community has its own, such as the work of art, dance moves, music, herbal medicine and storytellers story of faith and the life. This aspect is referred as the indigenous intellectualism and is increasingly marginalized in today's modernization . This paper will highlight the concept of indigenous intellectualism herbal medicine and the importance of education of Aboriginal children . The purpose of this study is to develop a conceptual framework based on curriculum model of intellectualism Aboriginal herbal medicine.. It is a form of alternative approaches in order to uphold intellectualism Aboriginal herbal medicine and further strengthen the identities of Aboriginal generation. In conclusion, Indigenous intellectualism can be maintained through teaching and learning approaches meets the aspirations of Aboriginal who defend their indigenous intellectualism, family values , traditions, beliefs and culture of indigenous peoples from being eroded by the mainstream education system .

Keywords: Futuristic Curriculum, Indigenous Herbal Medicine

Abstrak

Masyarakat Orang Asli mempunyai pelbagai keunikan yang tersendiri seperti seni ukiran, gerak tari, muzik, perubatan herba serta cerita penglipur lara berkaitan kepercayaan dan nilai kehidupan. Aspek ini merujuk kepada intelektualisme Orang Asli yang semakin dipinggirkan dalam arus pemodenan hari ini. Kertas kerja ini akan mengetengahkan konsep intelektualisme perubatan herba Orang Asli serta kepentingannya dalam proses pendidikan kanak-kanak Orang Asli . Tujuan kajian ini adalah untuk membina kerangka konsep model kurikulum berasaskan intelektualisme perubatan herba Orang Asli . Ia sebagai model dalam usaha memartabatkan intelektualisme perubatan herba Orang Asli dan seterusnya memantapkan identiti dan jati diri generasi Orang Asli. Kesimpulannya, intelektualisme Orang Asli dapat dipertahankan agar nilai kekeluargaan, tradisi, kepercayaan dan budaya Orang Asli tidak terhakis oleh sistem pendidikan arus perdana.

Kata kunci:

Kurikulum Masa Depan, Perubatan Herba Orang Asli

■1.0 PENGENALAN

Sebagai satu usaha untuk membantu pelajar Orang Asli meningkatkan pengetahuan dan intelektualisme mereka dalam perubatan herba, maka kurikulum perubatan perlu dibina untuk masa depan. Kurikulum ini boleh menjadi sebahagian daripada kurikulum yang diajar di sekolah rendah Orang Asli pada masa depan kerana kehidupan Orang Asli tidak dapat dipisahkan daripada alam semula jadi (Khairul Hisyam Kamarudin & Ibrahim Ngah, 2007). Mereka amat menghormati alam sekitar dan hubungan erat yang terjalin ini membolehkan Orang Asli terus hidup dalam keadaan harmoni. Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia secara khususnya mendiami kawasan-kawasan pedalaman, pinggir-pinggir hutan dan sebahagiannya di pinggir perkampungan Melayu (Jabatan Muzium Malaysia, 2010). Oleh itu, keadaan alam persekitaran yang dikelilingi tumbuhan tropika membolehkan mereka menggunakan tumbuhan semula jadi untuk dijadikan keperluan kehidupan seharian mereka sebagai makanan dan ubatan. Herba ini bukan sahaja mendedahkan pengetahuan tentang tradisi kesihatan tetapi turut menjelaskan pemahaman saintifik dan kaitannya dengan latar belakang budaya dan sejarah masyarakat Orang Asli sendiri. Masyarakat Orang Asli merupakan antara kaum yang telah beratus tahun menggunakan sumber tumbuh-tumbuhan di hutan sebagai ubat-ubatan untuk mengubati penyakit. Masyarakat ini mempunyai hubungan yang begitu akrab dengan hutan sekeliling mereka. Pengamalan yang diwarisi sejak generasi ke generasi membolehkan mereka mengetahui dan memahami rahsia tumbuh-tumbuhan yang boleh dijadikan herba untuk mengubati penyakit sehinggakan setiap spesis telah dikenal pasti bagi kegunaan yang tersendiri.

Tradisi pembelajaran yang dipraktikkan oleh masyarakat Orang Asli untuk mewarisi intelektualisme perubatan herba ini sangat unik. Dalam masyarakat Orang Asli, proses pembelajaran berlaku secara trans-generasi iaitu pengalaman, penyerapan dan perkongsian dari satu generasi ke satu generasi (Battiste, Bell, & Findlay, 2002). Maka, dengan mengambil kira elemen ini, wujud satu keperluan untuk membangunkan intelektualisme perubatan herba Orang Asli dalam mengekal dan melestarikan intelektualisme perubatan herba serta tradisi budaya masyarakat Orang Asli daripada lenyap ditelan arus pemodenan. Pembangunan pembelajaran ini membuka dimensi baru dalam proses penyampaian pendidikan kepada kanak-kanak Orang Asli. Proses pembelajaran tidak hanya terhad kepada pencapaian akademik sebaliknya merentasi intelektualisme masyarakat Orang Asli. Pembangunan intelektualisme perubatan herba bagi kanak-kanak Orang Asli ini yang cuba diketengahkan melalui kertas kerja ini diharap dapat membantu anak-anak Orang Asli untuk terus meminati

alam persekolahan dan mengekang mereka dari ketinggalan dalam bidang pendidikan.

■2.0 DEFINISI INTELEKTUALISME PERUBATAN HERBA ORANG ASLI

Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) mendefinisikan herba sebagai tumbuhan kecil yang batangnya lembut tidak berkayu, daunnya dapat dibuat makanan, ubat, dan pewangi. Perubatan herba ialah rawatan penyakit menggunakan tumbuhan berkhasiat perubatan secara internal (dalaman) dan eksternal (luaran) bagi memulihkan kesihatan pesakit (Wan Omar Abdullah,1998). Sistem perubatan yang berkaitan dengan penggunaan tumbuhan yang berkhasiat ini mampu meningkatkan keupayaan pesakit untuk sembuh dan kini semakin dikukuhkan dengan perkembangan saintifik. Di Malaysia sumber ubat-ubatan tradisi ini boleh diperolehi daripada semua bahagian tumbuhan. Terdapat sekurang-kurangnya 1,158 spesis tumbuhan tinggi di Malaysia direkodkan mempunyai nilai perubatan meliputi 1,075 adalah tumbuhan berbunga, 75 spesis paku pakis dan 7 spesis daripada keluarga gimnosperma (Jabatan Muzium Negara,2010).

Masyarakat Orang Asli memang terkenal dengan keistimewaan dan kebolehan mengenal pasti tumbuhan yang boleh dijadikan sebagai penawar kepada pelbagai penyakit di samping kepercayaan dan amalan ritual mereka yang banyak menggunakan hasil dari tumbuhan hutan. Namun, herba yang sering dikaitkan sebagai ubat tradisional yang sangat kaya dengan khasiat serta mampu dijadikan alternatif kepada pengubatan moden ini mempunyai kepercayaan dan pantang larangnya dalam proses pengambilannya yang perlu dipatuhi supaya herba itu tidak hilang khasiatnya.

Hutan hujan tropika di Malaysia mempunyai lebih kurang enam hingga tujuh ribu spesis tumbuhan yang telah digunakan dengan meluasnya sebagai tumbuhan ubatan oleh masyarakat Orang Asli (Zainon Abu Samah,2002). Oleh itu tidak hairanlah ianya menjadikan Orang Asli sebagai komuniti yang terbukti kaya dengan ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan tentang pengurusan alam semula jadi (Khairul Hisyam Kamaruddin & Ibrahim Ngah, 2007). Hasil kebijaksanaan ilmu tradisional yang diwarisi daripada generasi terdahulu diaplikasikan dalam kehidupan mereka. Proses ini mendedahkan kewujudan sistem pendidikan tidak formal dan intelektualisme yang tersendiri sejak dahulu lagi. Selanjutnya ia memberi makna kepada falsafah hidup masyarakat Orang Asli sendiri seperti yang dimanifestasi dalam bentuk sistem adat, agama dan kepercayaan, kosmologi, pantang larang dan sebagainya yang mengatur cara mereka bertindak dan berhubungan dengan manusia lain dan alam (Abdul Talib Bon, 2003). Intelektualisme, pendidikan dan falsafah tersebut

diturunkan dari satu generasi ke satu generasi secara langsung dan tidak langsung seterusnya membentuk amalan sosiobudayanya yang bersifat heterogen menambah nilai budaya istimewa yang Malaysia miliki (Adi Taha, 2006).

■3.0 TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis jangkaan masa depan kurikulum perubatan herba Orang Asli. Untuk mencapai tujuan kajian ini, maka objektif kajian telah dikenal pasti. Objektif kajian adalah untuk mendapatkan pandangan daripada guru tentang Latar Belakang Kurikulum Berasaskan Intelektualisme Perubatan Herba di Sekolah. Berdasarkan objektif ini, kajian tinjauan telah dijalankan untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan kajian berikut:

Apakah pandangan guru tentang latar belakang kurikulum perubatan herba ?

- a. Apakah perbezaan antara pandangan guru sekolah rendah dan guru sekolah menengah yang ada murid Orang Asli?
- b. Apakah perbezaan antara pandangan guru terhadap keperluan pembangunan kurikulum perubatan herba Orang Asli pada masa depan?

■4.0 SKOP DAN BATASAN

Fokus kajian ini adalah pendidikan murid Orang Asli secara umum kepada kaum Temuan dalam daerah Petaling Perdana, Selangor. Sampel kajian seramai 100 orang responden telah dipilih yang terdiri daripada guru-guru satu sekolah rendah dan menengah yang ada murid Orang Asli di daerah Petaling Perdana, Selangor.

■5.0 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen bagi kajian ini telah dibangunkan oleh penyelidik dan menjalani proses kebolehpercayaan dan pengesahan item oleh panel pakar yang di lantik. Pembinaan item soal selidik telah dianalisis keesahan item mengikut konstruk dan indeks Keesahan Kandungan (CVI) mengikut Item oleh 2 orang pakar. Seterusnya soal selidik ini dijalankan kajian rintis menggunakan sampel kajian seramai 100 orang guru.

■6.0 DAPATAN KAJIAN

Bahagian pertama dalam borang soal selidik kajian ini adalah berkaitan dengan responden yang terlibat dalam kajian ini. Demografi responden melibatkan dua kumpulan utama iaitu guru sekolah rendah yang mengajar kanak-kanak Orang Asli dan guru sekolah menengah yang mengajar murid Orang Asli. Jadual 1 menunjukkan demografi responden kajian.

Jadual 1

Kategori	Jumlah	Peratus (%)
Sekolah rendah	35	35
Sekolah Menengah	65	65
Jumlah	100	100

Jadual 2

Suku Kaum Responden

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Melayu	95	95
Cina	2	2
India	3	3
Jumlah	100	100

Analisis deskriptif dalam Jadual 2 menunjukkan majoriti responden dalam kajian ini terdiri daripada guru-guru Melayu sebanyak 95%. Ini diikuti kaum India sebanyak 3% dan Cina 2%.

Jadual 3

Pengalaman Mengajar

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Kurang 2 tahun	1	1
2 - 5 tahun	16	16
6 - 10 tahun	22	22
10 tahun ke atas	61	61
Jumlah	100	100

Majoriti guru-guru yang terlibat sebagai responden soal selidik ini mempunyai 10 tahun ke atas pengalaman mengajar mereka iaitu sebanyak 61%. Hanya 1% sahaja yang pengalaman mengajarnya kurang daripada 2 tahun.

Jadual 4

Pengalaman Terlibat Dengan Masyarakat Orang Asli

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Kurang 2 tahun	65	65
2 - 5 tahun	15	15
6 - 10 tahun	14	14
10 tahun ke atas	6	6
Jumlah	100	100

Dapatan data kajian mendapati bahawa majoriti guru kurang 2 tahun pengalaman terlibat dengan masyarakat Orang Asli iaitu sebanyak 65%. Hanya 6% sahaja yang mempunyai 10 tahun pengalaman dengan masyarakat Orang Asli.

Jadual 5***Pernah Mengikuti kursus berkaitan herba***

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Pernah	7	7
Tidak Pernah	93	93
Jumlah	100	100

Berdasarkan data dapatan kajian , majoriti guru tidak pernah mengikuti kursus berkaitan herba sepanjang perkhidmatan mereka iaitu sebanyak 93%. Hanya 7% sahaja yang pernah mengikuti kursus berkaitan herba.

Jadual 6***Pihak bertanggungjawab melaksanakan perubatan herba***

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Ibu bapa sahaja	8	8
Sekolah sahaja	1	1
Ibu bapa dan sekolah	51	51
Agensi kerajaan	21	21
Agensi bukan kerajaan/kelab/organisas/agensi di luar sekolah	19	19
Jumlah	100	100

Hasil kajian ini mendapati majoriti 51% responden memilih ibu bapa dan sekolah sebagai pihak yang bertanggung jawab melaksanakan kurikulum perubatan herba ini.

Jadual 7***Pendidikan perubatan herba di sekolah rendah***

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Ada	19	19
Tiada	81	81
Jumlah	100	100

Melalui kajian ini didapati 81% guru menyatakan bahawa pendidikan perubatan herba tidak diajar di sekolah rendah pada masa ini, manakala 19% pula menyatakan bahawa pendidikan perubatan herba ada diajar pada masa ini. Ini boleh dilihat melalui Jadual 7.

Jadual 8

Mata pelajaran mengandungi perubatan herba

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Ada	30	30
Tiada	70	70
Jumlah	100	100

Seterusnya, 70% responden guru ini menyatakan pada masa ini tidak terdapat mata pelajaran yang mengandungi pembelajaran tentang perubatan herba, tetapi 30% responden menyatakan bahawa ada mata pelajaran di sekolah rendah yang mengandungi pembelajaran tentang perubatan herba.

Jadual 9

Mata pelajaran yang sesuai untuk diajar perubatan herba

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Bahasa Melayu	28	28
Bahasa Inggeris	3	3
Matematik	1	1
Sains	60	60
Pendidikan Islam/Moral	1	1
Lain-lain	7	7
Jumlah	100	100

Majoriti responden sebanyak 60% memilih mata pelajaran Sains sebagai mata pelajaran yang sesuai untuk diajar tentang perubatan herba di sekolah rendah, diikuti Bahasa Melayu 28%.

Jadual 10***Tahap sesuai untuk diajar perubatan herba***

	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Tahap 1		9	9
Tahap 2		64	64
Tahap 1 dan 2		27	27
Jumlah		100	100

Kajian turut mendapati tahap sesuai di ajar perubatan herba Orang Asli ini ialah tahap 2 sebanyak 64%.

Jadual 11***Bahan dan sumber yang sesuai digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran perubatan herba***

	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Buku teks		56	56
Herba semula jadi		41	41
Bahan dari internet		3	3
Jumlah		100	100

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa 56% responden memilih buku teks sebagai bahan dan sumber yang sesuai digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran perubatan herba, diikuti herba semula jadi sebanyak 41% dan bahan dari internet 3% seperti yang terdapat dalam Jadual 4.12.

Jadual 12

Keberkesanan pendidikan perubatan herba

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Sederhana berkesan	44	44
Sangat berkesan	54	54
Tidak berkesan	1	1
Jumlah	100	100

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan 54% responden menyatakan pendidikan perubatan ini sangat berkesan kepada murid-murid Orang Asli jika diperkenalkan di sekolah, diikuti 44% sederhana berkesan, manakala hanya 1% yang menyatakan mata pelajaran ini tidak berkesan.

Jadual 13

Implementasi kurikulum perubatan herba yang berkesan

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Satu mata pelajaran	13	13
Mata pelajaran bersepadu	31	31
Merentas kurikulum	41	41
Aktiviti kokurikulum	13	13
Lain-lain	2	2
Jumlah	100	100

Dapatan kajian turut mendapati implementasi yang paling berkesan sekiranya kurikulum perubatan herba diperkenalkan ialah melalui merentas kurikulum sebanyak 41%. Mata pelajaran bersepadu sebanyak 31%, 13% untuk implementasi sebagai satu mata pelajaran dan aktiviti kokurikulum. Manakala 2% pula untuk implementasi secara lain-lain

■7.0 IMPLIKASI KURIKULUM PERUBATAN HERBA ORANG ASLI MASA DEPAN

Sorotan kajian berkaitan intelektualisme perubatan herba Orang Asli beberapa kesimpulan dapat dibuat. Dalam menangani isu pendidikan kanak-kanak Orang Asli, penerapan intelektualisme perubatan herba Orang Asli melalui pendidikan merupakan satu bentuk cadangan pilihan pendidikan yang boleh dipertimbangkan oleh semua pihak. Pendekatan ini bukan sahaja memberi peluang kepada masyarakat orang Asli untuk mengekalkan tradisi serta intelektualisme perubatan herbanya, tetapi juga dapat membangun jati diri masyarakat Orang Asli yang unggul.

Melalui pendidikan, bentuk kurikulum serta nilai tradisi yang diingini dalam pembentukan jati diri anak-anaknya serta warisan intelektualisme Orang Asli dapat diwariskan kepada anak-anak menerusi satu sistem pendidikan yang diiktiraf. Isu intelektualisme perubatan herba Orang Asli yang dikatakan semakin hilang dan lenyap dari satu generasi kepada satu generasi tidak timbul lagi.

Pendidikan perubatan herba juga membuka peluang untuk mendidik anak-anak Orang Asli mengikut cara mereka bagi mewarisi intelektualisme perubatan herba Orang Asli. Kajian-kajian yang dijalankan terhadap pendidikan kanak-kanak Orang Asli banyak menyarankan *place-based indigenous pedagogy* (Battiste, Bell & Findlay, 2002; Shajahan, 2005) dalam usaha mempelajari dan mewarisi intelektualisme Orang Asli. Penyerapan intelektualisme perubatan herba Orang Asli melalui pendidikan ini bukan sahaja menggabungkan elemen budaya dan pengalaman kehidupan murid sebagai pedagogi responsif (Saedah Siraj, Zaharah Hussin, Melur Sumari, Habib Mat Som, & Kamaliah Siraj, 2005; Saedah Siraj & Vanitha, 2011) sebaliknya dapat mengekal dan memartabatkan nilai intelektualisme Orang Asli dalam diri setiap kanak-kanak orang Asli.

■8.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN

Atas kepentingan memelihara dan memulihara intelektualisme perubatan herba masyarakat Orang Asli, usaha mengintegrasikannya ke dalam kurikulum pendidikan hari ini perlu disokong oleh pelbagai pihak. Pengekalan intelektualisme perubatan herba Orang Asli ini dapat direalisasikan melalui pembangunan pendidikan melalui model kurikulum perubatan herba. Aktiviti pembelajaran dan pengajaran yang dirancang dalam pembangunan model kurikulum dapat disesuaikan dengan keperluan pendidikan kanak-kanak Orang Asli.

Ini kerana guru-guru dapat mengimpikasi pendekatan pembelajaran yang bersesuaian mengikut kehendak, keperluan serta kemampuan anak-anak untuk mempelajari sesuatu ilmu. Pendekatan pembelajaran dan pengajaran yang dipraktikkan oleh guru ini adalah kesinambungan gaya pembelajaran yang diwarisi dari satu generasi ke satu generasi. Justeru, pembangunan pendidikan perubatan herba menjadi kayu penghubung dalam proses pengajaran dan pembelajaran anak-anak Orang Asli dalam mewarisi intelektualisme perubatan herba nenek moyang yang dipercayai sekian lama.

Rujukan

- Abdul Razak, Zakaria. (2011). *Hubungan konteks keluarga dengan penglibatan ibu bapa dan pencapaian akademik anak-anak di sekolah menengah*. Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Adi Haji Taha. (2006). *Orang Asli: Khazanah Tersembunyi: The Hidden Treasure*. Kuala Lumpur.
- Allan, S., & Jackson, G. (2010b). The Whats, Whys and Wherefores of home education and its regulation in Australia. *International Journal of Law & Education*, 15(1), 55-77.
- Bell, C., and D. Harris. 1990. *Evaluating and Assessing for Learning*. London: Kogan Page.
- Barr, A. (2008). *High standards in ACT school education: Discussion paper for an ACT school standards authority*
- Boon, H. J. (2008). *Risk or resilience? What makes a difference?* The Australian Educational Researcher, 35(1), 81-102.
- Convention on the Rights of the Child. (1990)*. United Nations. Dimuat turun dari <http://www.childrights.org.au/background>
- Dei, Jerry Sefa. 2002. *Indigenous knowledge in global contexts: Multiple readings of our world*. Toronto: University of Toronto Press, pp.1-17.
- Dei, S.G. J, Hall, B.L. & Rosenberg, D. G. (2002). *Indigenous knowledges in global contexts: Multiple readings of our world*. Toronto: University of Toronto Press.
- Easton, P.B. (2004). Education and indigenous knowledge. Dlm. P.B. Easton (Ed.), *Indigenous knowledge: Local pathways to global development: Marking five years of the World Bank indigenous knowledge for development plan* (pp. 1-12).
- Fischer, Michael Denley (2004). 'Culture and Indigenous Knowledge Systems: Emergent order and the internal regulation of shared symbolic systems.' *Cybernetics and Systems Research* .
- French, Lisa R., Walker, Cheryl L., & Shore, B. M. (2011). Do gifted students really prefer to work alone? *Roeper Review*.
- Gulshirin, Orazova. (2010). *Parental autonomy support in children's decision making upon their education and opportunities for diverse social interaction: A case study upon their education and group in Dekalb, IL*. Tesis Northern Illinois University.
- Grenier, L. (1998) *Working with Indigenous Knowledge: A Guide for Researchers*, IDRC, Canada.
- Grenier, L. (2009). *Working With Indigenous Knowledge*.

- Harding, T. (2003). A comparison of the academic results of students monitored by the State, with the academic results of students not monitored by the State. Dlm. *A submission for the Home Schooling Review* (p. 6). Brisbane: Australian Christian Academy.
- Harding, T. (2006). *A Study of Victorian Home Educator: Home School Law Reforms*. Kertas kerja yang dibentangkan di Home Education Symposium and Parliamentary Presentation, Camberwell Civic Centre and Victorian Parliament, Melbourne.
- Hood Salleh. (1993). Orang Asli: An Appreciation. In *Colloquium on Indigeneous Peoples of the World*. Bangi: Department of Anthropology and Sociology, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibrahim Bajunid. (2002). *Changing mindsets: Lifelong learning for all*. International Conference on Lifelong Learning (13-15 May 2002) in Kuala Lumpur.
- Khairul Hisyam Kamarudin & Ibrahim Ngah. (2007). *Pembangunan mapan Orang Asli*. Johor Bahru: Penerbit UTM.
- Malaysia, Ministry of Education. (2010). *Quick facts: Malaysian educational statistics*. Kuala Lumpur: Educational Policy Planning & Research Division, Ministry of Education Malaysia.
- Nordin Lajis. (2002). Tumbuhan Ubatan Herba: Sepintas Lalu. In *Seminar Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Jabatan Muzium Negara. (2010). *Katalog pameran magis belantara herba Orang Asli*.
- Johnson, M. (1992). *Research on traditional environmental knowledge: its development and its role*, in M. Johnson (Editor). *Lore: Capturing Traditional Environmental Knowledge*. Northwest Territories, Canada: Dene Cultural Institute.
- Juli Edo (1990). Tradisi Lisan Masyarakat Semai, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Monograf Bilangan 16, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Hlm.1
- Juli Edo. (1984). Pendidikan Dan Masalah Pencapaian Akademik Orang Asli Kini. Dalam *Symposium Pembangunan Masa Depan Orang Asli di Semenanjung Malaysia*. Bangi.
- Selami Aydin. (2012). A review of Research on facebook as an educational environment. *Educational Technology Research and Development Journal*. Springer, US.
- Sillitoe Paul; Alan Bicker; Johan Pottier William Balée(2002). *Participating in Development: Approaches to Indigenous Knowledge*. Journal of Anthropological Research Vol. 59, No. 4 (Winter, 2003), pp. 557-559
- Snively, G. (2000). Discovering Indigenous Science: Implications for Science Education, 6–34.

- Snively, G. dan Corsiglia, J. (2001). Discovering indigenous science: Implications for science education. *Science Education*, 85(1), hh. 6 – 34.
- Sobrevila, Claudia., (2008, *The role of Indigenous Peoples in Biodiversity Conservation: The Natural, but Often Forgotten Partners*, The World Bank.
- Universal Declaration Of Human Rights (1948). United Nations. Dimuat turun daripada <http://www.un.org/en/documents/udhr/index.shtml>
- Whitehead, J. W., & Bird, W. R. (1984). *Home education and constitutional liberties: The historical and constitutional arguments in support of home instruction*. Westchester, IL: Crossway Books.
- Zainon Abu Samah (1997) *Kajian Etnobotani ke atas enam suku kaum Orang Asli di Semenanjung Malaysia*. Disertasi Yang Tidak Diterbitkan, Universiti Malaya.
- Zainon Abu Samah. (2002). Tumbuhan Ubatan: Khazanah Negara Yang Bernilai. In *Seminar Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.